

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	4 August 2015

Perdana Menteri mahu penjawat awam bantu kerajaan

Pulihkan keyakinan

um - 4/8/2015

Oleh **THOMAS CHONG**
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 3 OGOS

DATUK Seri Najib Tun Razak mahu penjawat awam bersama-sama dengan Kabinet memulihkan keyakinan orang ramai terhadap kerajaan serta mengatasi situasi 'defisit keyakinan' yang disebutkan sesetengah pihak.

Perdana Menteri turut meminta penjawat awam supaya tidak hilang arah dan fokus kerana terdapat banyak usaha yang perlu dilakukan untuk meningkatkan tahap kesejahteraan rakyat.

Beliau berkata, tiada cabaran yang tidak mampu diatasi jika Kabinet dengan dibantu penjawat

awam pelbagai peringkat bekerjasama dalam ikatan yang kukuh.

"Setelah menyusun semula Kabinet, sudah sampai masa untuk melihat ke hadapan sebab banyak yang perlu dilakukan dalam bidang ekonomi dan dalam aspek membantu meningkatkan kesejahteraan rakyat.

"Kita perlu selalu bertanya pada diri sendiri apa kehendak rakyat, saya yakin antara yang dianggap sebagai keutamaan rakyat semestinya bagaimana kita mengurangkan beban sara hidup dalam segala aspek," katanya ketika berucap dalam perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi; Menteri-Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa.

Ahmad Zahid bersama-sama dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azalina Othman Said dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki hadir buat kali pertama di perhimpunan bulanan itu setelah dilantik ke jawatan masing-masing selepas rombakan Kabinet pada 28 Julai lalu.

Sejurus selepas perhimpunan tersebut, Ahmad Zahid menerima watakah pelantikan sebagai Timbalan Perdana Menteri daripada Najib dan memulakan tugas di pejabatnya di Bangunan Perdana Putra.

Ketika berucap di perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri, Najib turut mengambil kesempatan

mengalu-alukan kehadiran Ahmad Zahid sebagai Timbalan Perdana Menteri serta mengucapkan terima kasih atas sumbangan bekas-bekas menteri yang meninggalkan Kabinet dalam penyusunan semula Jemaah Menteri yang dilakukan minggu lalu.

"Saya yakin kewibawaan Ahmad Zahid dapat membantu saya dan anggota Kabinet lain dalam satu gandingan dan ikatan yang mantap serta semangat setia kawan yang jitu untuk menggalas tanggungjawab dan amanah berat iaitu memenuhi segala harapan rakyat.

"Saya juga ingin ucapkan terima kasih kepada Tan Sri Muhyiddin Yassin yang menjadi Timbalan Perdana Menteri sebelum ini dan berharap beliau terus sumbang bakti kepada negara," katanya.